

04-17

U 5442 AAO

MAHATHIR-JEPUN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)

I

KUALA LUMPUR, 2 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA BERHARAP JEPUN AKAN MEMBANTU MENGHAPUSKAN **+SIKAP ANGKUH+** YANG **KINI** MENULAR **DI** KALANGAN NEGARA KAYA DAN MENGHALANG DUNIA DARIPADA BERPECAH MENJADI BLOK-BLOK EKONOMI YANG BERSAING.

BELIAU BERKATA MALAYSIA MENGAMBIL **BERAT TENTANG SIKAP ITU** BIARPUN DIBERI JAMINAN BAHAWA KESATUAN EKONOMI NEGARA-NEGARA KAYA TIDAK BERHASRAT MENGHALANG KEMASUKAN EKSPORT NEGARA MEMBANGUN KE **DALAM PASARAN MEREKA.**

+TETAPI KITA MASIH INGAT BAGAIMANA HALANGAN **TARIF** DIKENAKAN APABILA RAKAN PERDAGANGAN **KITA** MENYERTAI KESATUAN EKONOMI **SEDEMIKIAN,** **+ KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MALAM DI SERI PERDANA** DI SINI UNTUK MERAIKAN **PERDANA MENTERI JEPUN ENCIK NOBORU TAKESHITA** YANG SEDANG MELAWAT MALAYSIA.

DATUK **SERI DR MAHATHIR** BERKATA MALAYSIA **MENYEDARI** BAHAWA JEPUN SEDANG MEMBUAT PELARASAN UNTUK MENGHADAPI DASAR PERLINDUNGAN YANG **DIJANGKA** DIWUJUDKAN OLEH BLOK-BLOK EKONOMI ITU.

NEGARA-NEGARA **MEMBANGUN, BAGAIMANAPUN,** TIDAK BERUPAYA MEMBUAT PELARASAN SEUMPAMA **ITU,** KATANYA SAMBIL **MENAMBAH,** JEPUN MESTI **MEMBANTU** MENJADIKAN DUNIA **INI** LEBIH ADIL DAN SEIMBANG. -- **LAGI**
2228MST 02 05 89

0467

R 8450AAB

MAHATHIR-JEPUN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LAWATAN DUA **HARI ENCIK TAKESHITA** TEPAT **PADA** MASANYA KERANA MENANDAKAN **+SUASANA BARU+** DALAH HUBUNGAN JEPUN DENGAN MALAYSIA DAN **ASEAN.**

LAWATAN ENCIK TAKESHITA MENUNJUKKAN **BETAPA +PENTINGNYA+** JEPUN MENGANGGAP HUBUNGANNYA DENGAN MALAYSIA DAN **ASEAN** SERTA KEINGINANNYA MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN NEGARA-NEGARA **ITU.**

KATANYA, BELIAU GEMBIRA HUBUNGAN JEPUN DAN MALAYSIA TERUS BERKEMBANG DENGAN BAIK SEJAK LAWATAN TERAKHIR SEORANG **PERDANA MENTERI JEPUN** KE MALAYSIA **PADA** 1983.

+MALAYSIA AMAT MENGHARGAI SUMBANGAN KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA JEPUN KE ARAH HEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN DUA **HALA INI,** **+ KATANYA.**

DATUK SERI DR **MAHATHIR, BAGAIMANAPUN,** BERKATA MASIH ADA RUANG UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA DUA **HALA ITU** DALAM BIDANG-BIDANG SEPERTI **PERDAGANGAN, INDUSTRI** DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI. -- **LAGI**
2357MST 02 05 89

, 0468

R 8451 AAB
MAHATHIR-JEPUN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI **+DASAR PANDANG KE TIMUR+**, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BANGGA DENGAN PENCAPAIANNYA SEJAK DASAR ITU, YANG MENDAPAT **SOKONGAN DAN GALAKAN JEPUN**, DILANCARKAN **LAPAN TAHUN LEPAS**. HASIL **POSITIF** DAN KEJAYAAN YANG DICAPAI **DI BAWAH DASAR ITU** AKAN MEMBANTU **PENGEMBANGAN PROGRAM ITU** SUPAYA **MERANGKUMI** BIDANG-BIDANG LAIN SEPERTI **PERTANIAN DAN PELANCONGAN**, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERHARAP JEPUN AKAN **+MELIHAT KE SELATAN+** DALAM KONTEKS PELANCONGAN DAN PELABURAN. BELIAU BERKATA MALAYSIA, **BAGAIMANAPUN, MEMAHAMI** BAHAWA JEPUN PERLU MELABUR DI EROPAH DAN AMERIKA SERTA KEINGINAN PELANCONG JEPUN UNTUK KE SANA.

TETAPI, KATANYA, ASIA TENGGARA SENTIASA MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN **EKONOMI JEPUN**. **+KEMAKMURAN ASIA TENGGARA** AKAN SENTIASA MENJADI **ASET JEPUN+**, UJARNYA. -- LAGI
2359MST 02 05 89

0450

U B452 AAB
MAHATHIR-JEPUN 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR **JUGA** BERKATA JEPUN SEBAGAI KUASA **UTAMA** EKONOMI RANTAUAN DAN **DUNIA** BOLEH MEMBANTU DAN MEMAJUKAN PERTUMBUHAN KESELURUHAN RANTAU **ASIA-PASIFIK**, TERUTAMANYA MEMANDANGKAN **ABAD KE-21** DIANGGAP SEBAGAI **+ABAD ASIA-PASIFIK+**.

KATANYA, MALAYSIA MENYAMBUT BAIK RANCANGAN JEPUN MEMBUKA PASARANNYA KEPADA BARANGAN **DARI NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI** DAN MEMBERI BANTUAN SEPERTI MENYEDIAKAN DANA, KEPAKARAN DAN **SUMBER-SUMBER L A I N**.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA **MALAYSIA** MENGANGGAP PERJANJIAN YANG TERMETERAI **DI GENEVA BARU-BARU INI** SEBAGAI PENTING DAN PENUH DENGAN PELUANG.

KATANYA, MALAYSIA MENGHARGAI SIKAP TERBUKA JEPUN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DAN KEUTAMAAN TERHADAP HASIL PERTANIAN DAN TROPIKA.

MALAYSIA **JUGA** BERHARAP JEPUN AKAN MENIMBANG UNTUK MENGIMPORT **LEBIH BANYAK BARANG PEMBUATAN**, KATANYA. -- BERNAMA
2325MST 02 05 09